

“Tahu Salah Tapi Mahu”: Cabaran Remaja Perempuan Berhenti Menonton Pornografi

(It's Wrong But I Still Want It: The Challenges for Teenage Girls Staying Away From Pornography)

Norulhuda Sarnon@Kusenin¹,

Nur Hamizah Mohd Sharif¹,

Daniella Maryam Mohd Mokhtar¹,

Siti Marziah Zakaria*¹

Ezarina Zakaria¹

¹*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor*

*Corresponding e-mail: [marziah @ukm.edu.my]

The study aims to explore how much female adolescents are willing to stop watching pornography and the challenges they face in abandoning their behavior. This qualitative study uses a phenomenological approach to understand the personal experiences of the adolescents involved. Given that the issue of pornography is considered ‘taboo’, only five adolescents who have engaged in pornography have voluntarily agreed to be interviewed in depth by adhering to established criteria and data saturation. They consist of late teens between the ages of 19 and 21 and are students from a public college. Data was collected via in-depth interviews based on semi-structured questions to achieve the research objectives. The questions are based on the Transtheoretic Model with a focus on the readiness and challenges of abandoning pornographic behavior. The results of this study found that all respondents were less serious about change despite having the knowledge and awareness that watching pornography had a negative impact. The study also identified five challenges faced by respondents in abandoning pornographic behavior that were (i) incapable of controlling their appetite, (ii) internet attraction, (iii) filling their loneliness, (iv) their habit and (v) the way of thinking. The findings of this study are discussed by linking issues of internet addiction and the change model. Besides that, suggestions for referral to professionals in the help profession are also discussed.

Keywords: pornography, teenage girl, challenge, qualitative

Remaja merupakan kumpulan yang berisiko tinggi terjejas akibat gejala negatif teknologi kerana naluri penerokaan dan tahap rasa ingin tahu mereka terhadap persekitaran yang tinggi. Pendedahan kepada budaya

seksual yang tidak sihat hari ini banyak memberi kesan ke atas tingkah laku remaja. Menurut Senadjki et. al, (2019) penggunaan internet yang kerap dalam kalangan remaja cenderung mendedahkan mereka dengan pornografi. Kajian-kajian turut menunjukkan

kemajuan dan kecanggihan teknologi telah menyebabkan pelbagai maklumat termasuk pornografi sangat mudah diakses di hujung jari (Elisabeth, 2018; Harris, 2011; Jacobson, 2016). Rangsangan, interaksi, dan ekspresi seksual sangat mudah dilihat menerusi layar telefon bimbit atau komputer. Kepesatan teknologi seperti telefon pintar dan platform maya telah mengubah pengalaman pengguna pornografi kepada lebih mudah diakses dan menyeronokkan (Ashton, 2018).

Kajian-kajian menunjukkan apabila remaja banyak menonton pornografi, ia akan membentuk nilai (Oh & Choi 2015) dan kepercayaan yang tidak realistik serta terlebih obses terhadap seks (Owens, 2012). Peter dan Valkenburg (2016) berpandangan bahawa masa remaja adalah masa yang dikaitkan dengan percubaan melakukan seks, memikirkan adakah perlu menjalinkan hubungan, pasangan kasual, berkawan atau hanya pasangan 'semalaman' untuk melakukan aksi sepertimana pornografi. Owens (2012) menyatakan kerap menonton pornografi boleh menyebabkan remaja melibatkan diri dengan tingkah laku seks lebih awal. Keadaan ini membimbangkan kerana boleh memberi kesan kepada meningkatnya bilangan seks tanpa nikah dalam kalangan remaja di Malaysia. Kajian oleh Pratama & Notobroto (2017) menunjukkan bahawa 60 peratus daripada remaja yang melakukan seks sebelum nikah berimajinasi melakukan hubungan seks, 50 peratus menonton video pornografi dan 40 peratus kerana desakan rakan sebaya. Situasi ini juga boleh menggalakkan remaja terlibat dalam menghasilkan banyak video-video lucah memandangkan menurut Elisabeth (2010) remaja kini turut melakukan 'sexting' iaitu pertukaran digital gambar-

gambar seksual eksplisit antara remaja dengan menggunakan perkhidmatan pesanan teks pada telefon bimbit yang dilengkapi kamera.

Tahap perkembangan juga merupakan konteks penting dalam memahami mengapa remaja menonton pornografi. Pornografi memberi pengalaman berbeza bergantung pada tahap perkembangan psikoseksual seseorang. Kajian menunjukkan remaja cenderung meneliti perubahan pada tubuh badan mereka dan melayan keinginan seksual mereka (Bassin, 1999; Erickson, 1968). Stanley (2016) melalui kajiannya mendapati kebanyakan remaja di seluruh Eropah menonton pornografi secara kerap pada umur 14 sehingga 17 tahun. Maka di sini timbul persoalan adakah bermakna selepas 17 tahun berkemungkinan remaja kurang menonton pornografi dan mula meninggalkan tingkah laku tersebut? Jika dikupas daripada pandangan Mappiare (1982), remaja akhir ialah masa ketika seseorang individu berada pada usia 17/18 tahun sehingga dengan 21/22 tahun, di mana pada usia ini rata-rata setiap remaja memasuki sekolah menengah atas atau institut pengajian tinggi dan biasanya ibu bapa menganggap mereka hampir dewasa dan berada di ambang persediaan untuk memasuki dunia pekerjaan.

Kajian-kajian berkaitan pornografi juga telah banyak dan dilakukan secara terperinci di Barat namun kajian seperti ini masih tidak banyak di Malaysia. Tambahan pula kajian yang menjurus kepada teknik kualitatif sangat kurang dijalankan sedangkan menurut Ashton (2018) kajian kualitatif adalah kajian yang paling sesuai untuk mengulas makna peribadi dalam isu pornografi. Sehubungan itu, kajian ini cuba meneroka sejauhmana kesediaan remaja

akhir perempuan yang bakal beralih ke alam dewasa untuk berubah dan cabaran yang dihadapi untuk berhenti menonton pornografi. Pengkaji berminat untuk melihat golongan ini kerana mengandaikan kelompok umur ini sudah lebih matang dan berkemungkinan cuba mengurangkan tingkah laku menonton pornografi.

Metodologi Kajian

Rekabentuk

Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan pendekatan fenomenologi. Menurut Creswell (2013), pendekatan fenomenologi adalah untuk mengkaji intipati pengalaman manusia terhadap sesuatu fenomena dan Husserl (1982) berpandangan bahawa dengan pendekatan fenomenologi, pengkaji mampu mempelajari bagaimana fenomena di dunia ini dibentuk oleh kesedaran manusia. Dalam konteks kajian ini, informan diandaikan menyedari yang dirinya itu mempunyai pengalaman menonton pornografi dan bagaimana kesukaran yang dihadapi untuk meninggalkan tingkah laku tersebut merupakan intipatinya. Pengkaji mengandaikan bahawa informan turut dapat menerangkan bagaimana fenomena ini berlaku pada dirinya dan bagaimana ia membentuk pengalaman sepertimana pandangan Husserl (1982) bahawa tidak mungkin manusia dapat mengasingkan objek dari subjek yang dialami oleh mereka.

Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan kriteria yang telah ditetapkan iaitu remaja akhir, perempuan, berusia sekitar 18 hingga 21 tahun dan

mempunyai pengalaman pernah menonton video pornografi. Pemilihan responden adalah melalui sampel bertujuan. Salah seorang penyelidik merupakan pelajar kolej dan mempunyai akses untuk mencari informan. Walaubagaimanapun hanya terdapat beberapa orang sahaja yang sukarela untuk ditemubual. Pengkaji kemudiannya menghubungi mereka yang telah bersetuju dan meminta keizinan untuk ditemubual. Akhirnya seramai lima orang informan yang berjaya ditemubual setelah mencapai ketepuan data bagi menjawab persoalan kajian ini.

Teknik pengumpulan dan analisis data

Dalam kajian ini pengumpulan data adalah melalui temu bual. Pengkaji turut menyediakan panduan temu bual dan soalan yang dikemukakan adalah bersifat semi-struktur. Temubual semi-struktur adalah jenis temubual di mana penyelidik hanya meminta informan menjawab beberapa soalan yang telah ditetapkan, sementara yang lain soalan tidak dirancang terlebih dahulu. Data temubual yang diperolehi kemudiannya dianalisis dengan menggunakan teknik analisis tematik. Proses analisis bermula seawal sebaik sahaja temubual pertama dilakukan. Analisis dilakukan mengikut pendekatan fenomenologi seperti yang diterangkan oleh Giorgi (2003). Kaedah analisis ini meliputi empat langkah iaitu memahami atau menghayati keseluruhan teks, membahagikan teks ke dalam unit-unit makna; pemendekan makna merentas kes; dan generalisasi untuk setiap tema, membentuk asas untuk penerangan dan konsep baru.

Hasil kajian dan perbincangan

Latar Belakang Sosiodemografi

Seramai lima orang informan telah bersetuju untuk ditemubual secara mendalam.

Kesemua informan berada di peringkat umur transisi remaja akhir ke awal dewasa iaitu berumur 19 hingga 21 tahun. Kesemua informan juga adalah berbangsa Melayu, penuntut universiti dan belum berkahwin. Hanya seorang daripada mereka yang mempunyai teman lelaki. Ringkasan maklumat informan adalah sepertimana dalam Jadual 1.

Jadual 1: Maklumat Sosiodemografi Informan

Informan	A	B	C	D	E
Umur	20	19	20	21	20
Status	Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar	Pelajar
Bangsa	Melayu	Melayu	Melayu	Melayu	Melayu
Tempat tinggal	Kolej	Kolej	Kolej	Rumah	Kolej
Teman Lelaki	Tiada	Tiada	Tiada	Ada	Tiada

Kesediaan berubah

Tahu Pornografi memberi kesan negatif

Kesemua informan mempunyai pengetahuan bahawa menonton pornografi adalah satu perbuatan yang negatif. Mereka turut mengakui bahawa sebelum ini mereka banyak menurut keinginan hati untuk menonton pornografi tanpa rasa bersalah dan tanpa berfikir panjang sepertimana kenyataan seorang informan iaitu informan E;

..Kalau tengok video tu dengan kawan-kawan ada, sorang pun ada. Tak rasa bersalah pun masa tu.. Dulu tak ambil tindakan apa-apa pun. Kalau rasa nak tengok, tengoklah. Saja suka-suka tengok. Budak-budak masa tu mana fikir sangat.

Menurut informan E juga, ustazah di sekolah turut menasihati dan menekankan kesan buruk menonton pornografi. Ini memberi kesan ke atas dirinya yang mula matang dan informan E cuba mengurangkan perbuatan tersebut.

Tapi dah makin besar ni kita tahu lah benda tu tak elok, ustazah pun ada cakap kat sekolah. Dosa tengok benda macam tu..Memang tipulah kalau saya kata dah tak tengok langsung dah.. masih tengok juga cuma kadang-kadang je tak selalu macam dulu.. kira saya cuba kurangkan.

Informan B yang mempunyai ramai rakan yang turut sama suka menonton pornografi adakalanya mengeluarkan kata-kata lucu. namun dalam masa yang sama informan B tahu perbuatan itu tidak baik dan saling

mengingatkan kesan buruk perbuatan tersebut sepertimana kenyataannya;

“Kawan-kawan pun sama tengok juga, kadang-kadang kalau tercakap benda-benda lucu kan lepas tu kawan cakaplah tak baiklah sebab nanti hati gelap kan, ilmu cikgu ajar tak sampai”.

Tidak serius ingin berubah

Hasil kajian turut mendapati bahawa kekerapan informan menyatakan bahawa

mereka cuba mengurangkan tingkah laku menonton pornografi boleh menjadi indikator bahawa informan kurang serius untuk berubah. Tidak seorang pun dalam kalangan informan yang menyatakan atau menekankan usaha yang dilakukan untuk berubah sebaliknya hanya keazaman bahawa mereka ada usaha untuk berubah, namun belum berkemampuan. Berikut adalah antara senarai pernyataan-pernyataan informan yang tidak menunjukkan seriusnya perubahan yang ingin dilakukan:

Jadual 2: Pernyataan Informan Kesiediaan Berubah

Penyataan informan	Unit makna
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Memang tipulah kalau saya kata dah tak tengok langsung dah.. masih tengok juga cuma kadang-kadang je tak selalu macam dulu.. kira saya cuba kurangkan</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Informan cuba mengurangkan tingkahlaku menonton pornografi • Masih menonton pornografi • Kurang kerap menonton berbanding dahulu
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Kadang-kadang dah cuba elak, tapi kadang-kadang nak tengok juga.</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Informan cuba mengelak namun masih juga menonton pornografi
<ul style="list-style-type: none"> • <i>Tak tahu nak kata kenapa.. susah lah nak kata tak tengok terus dah</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Informan merasa sukar untuk terus berhenti menonton pornografi
<ul style="list-style-type: none"> • <i>saya tahu pun tak elok, tapi macamana nak kata ya, mmm, kalau dah lama tak tengok tu, mesti nak tengok jugak</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Informan tahu menonton pornografi tidak baik • Menonton pornografi apabila terasa lama tidak menontonnya
<ul style="list-style-type: none"> • <i>kita dah selalu tengok pun, so nak kata sekarang jangan tengok tu saya rasa macam tak jujur lah...</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • Telah biasa menonton pornografi • Tidak mahu menipu diri sendiri jika mengatakan sekarang tidak menonton pornografi

Kesimpulan:

Informan masih sukar untuk meninggalkan tingkah laku menonton pornografi dan kurang serius untuk berubah

Cabaran untuk berhenti menonton pornografi

Hasil kajian mendapati enam tema utama yang dapat menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh informan untuk meninggalkan tingkah laku.

Jadual 3 :Tema, Subtema dan informan terlibat

menonton pornografi iaitu tidak mampu mengawal keinginan, tarikan internet, mengisi kesunyian, habit dan kursang rasa bersalah.

Tema	Subtema	Informan
<ul style="list-style-type: none"> Tidak mampu mengawal keinginan 	<ul style="list-style-type: none"> Memberi mood/rangsangan Menyeronokkan 	<ul style="list-style-type: none"> Semua informan
<ul style="list-style-type: none"> Tarikan internet 	<ul style="list-style-type: none"> Iklan Perkaitan web dengan seks 	<ul style="list-style-type: none"> Semua informan
<ul style="list-style-type: none"> Mengisi kesunyian 	<ul style="list-style-type: none"> Kebosanan Bersendirian 	<ul style="list-style-type: none"> Informan A,C,D
<ul style="list-style-type: none"> Habit 	<ul style="list-style-type: none"> tidak selesa apabila lama tidak menonton Telah terbiasa menonton 	<ul style="list-style-type: none"> Semua informan
<ul style="list-style-type: none"> Cara berfikir 	<ul style="list-style-type: none"> Sekadar menonton Tidak menjejaskan sesiapa 	<ul style="list-style-type: none"> Informan A, B dan E

Tidak mampu mengawal keinginan

Kesemua informan bersetuju bahawa mereka sukar untuk mengawal keinginan menonton pornografi. Walaupun informan cuba mengelak, namun mereka masih lagi gagal untuk menghalang keinginan sendiri. Bagi informan A, kegemaran menonton pornografi adalah kerana ia memberi mood atau rangsangan. Informan A mengakui bahawa apabila perasaan terangsang itu timbul, maka dia akan menonton video pornografi dan begitulah sebaliknya dengan menonton video pornografi mampu memberi rangsangan kepada informan;

“ia agak memberangsangkan. Kadang-kadang mood akan timbul perasaan ingin terangsang tu akan timbul bila kita tengok video tu. Kadang kita sendiri rasa terangsang, so kita tengoklah video.”

informan B, keadaan ini menyukarkan informan untuk meninggalkan aktiviti

Ramai dalam kalangan informan yang menyatakan bahawa mereka cuba mengelak daripada menonton pornografi, namun tidak mengetahui mengapa mereka tetap melakukannya. Bagi informan D, keinginan itu timbul apabila melayari internet dan pada waktu itu terfikir untuk menonton pornografi walaupun dia telah cuba mengelak.

Kadang-kadang dah cuba elak, tapi kadang-kadang nak tengok juga. Kalau masa belum buka memang tak buka kalau dah terbuka main facebook ke apa ke memang saje-saje memang nak buka. Kalau tak tengah bukak tu mesti rasa nak tengok benda tu..

Terdapat sesetengah informan yang merasa dengan menonton pornografi sebenarnya memberikan keseronokan sendiri. Bagi

menonton pornografi kerana ia dianggap melupakan daripada memikirkan masalah.

Informan B mempunyai pandangan bahawa perbuatan tersebut seperti melayan angan-angan sendiri sepertimana kenyataannya;

Tak tahu nak kata kenapa.. susah lah nak kata tak tengok terus dah.. sebab bila tengok tu rasa dah syok, ...banding dengan fikir masalah pun ada juga rasa macam tu.. maknanya...rasa rileks je tengok, berangan sikit tapi kita tak buat lah dengan sesiapa pun.

Tarikan internet

Kesemua informan mengakui bahawa kuasa internet adalah amat berpengaruh dan menyukarkan informan untuk meninggalkan perbuatan menonton pornografi. Kesemua informan dikatakan gagal mengawal diri apabila internet menunjukkan banyak iklan yang berpakaian dan bertingkah laku seksi. Menurut informan C, walaupun dirinya tahu menonton pornografi adalah tidak baik, namun apabila iklan seksi itu muncul semasa sedang melayari internet, membuatkan informan akhirnya membuka website pornografi.

Mula memang lah nak buka insta, nak buka fb semua tu.. tapi selalu nak tertengok porno... tahu benda ni tak baik, tapi tak tahulah kenapa bila buka-buka handphone, sambil-sambil tengok-tengok twitter ke semua tu, mesti nak juga buka sekejap web pelik-pelik tu, dengan iklan seksi-seksi tu kita pun jadi nak tengok jugalah...then, start situ terus merebak bukak web porno.

Informan turut menyatakan bahawa kemudahan akses apa sahaja di hujung jari hari ini menjadikan capaian ke laman web

pornografi menjadi lebih mudah. Bagi informan E yang berminat mengakses internet kerana suka mencari maklumat tentang kecantikan tubuh badan akhirnya turut menonton video pornografi kerana laman web ini saling berkaitan;

Senang kan hari-hari buka handphone.. semua kan sekarang kat hujung jari. Terlintas nak tengok apa, semua tersedia.. macam saya, saya suka tengok orang yang ada body cun sebab saya teringin, bila tengok-tengok web macam tu biasanya memang akan berkait ngan porno. lama-lama kita dah syok.. memang sungguh syok tengok diaorang buat macam ni, macam tu..

Mengisi kesunyian

Beberapa orang informan berpandangan kebosanan bersendirian menyebabkan mereka terus suka menonton video pornografi. Bagi informan A, perasaan keseorangan dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan setelah banyak tugas penting selesai, mendorong dengan mudah dirinya untuk membuka laman web pornografi;

Selalu rasa sorang-sorang kan... tak de lah nak ke mana-mana banyak dalam bilik sendiri.. kerja pun tak de apa nak buat, dah settle study sikit-sikit tu ja..so mulalah tangan tu gatal bukak web-web porno ni.. ia jadi macam leka.. kita jadi leka tengok..

Informan C pula menceritakan bagaimana dia mengunci pintu bilik bagi memastikan tiada sesiapa yang melihat perbuatannya semasa dirinya keseorangan; *Time sendiri kat bilik,.. memang masa terbaik lah saya rasa tak de gangguan nak tengok. Kunci bilik, kita pun takut juga kalau orang tahu apa kita buat..* Informan C turut

menceritakan bahawa melihat pornografi merupakan keseronokan segera yang diperolehi apabila dia tidak mempunyai kawan untuk berbual sepertimana pernyataannya “*tapi ntah lah sebab keinginan nak tengok kuat, so nak pastikan tak de siapa pun nampak... bila sorang-sorang, tak de kawan nak borak.. macam itulah.. bila tengok porno macam keseronokan segera lah bila tengok.. mata segar.*”

Informan D yang adakalanya tinggal di asrama dan tidak pulang ke rumah mengakui bahawa adakalanya apabila menonton filem Inggeris bersendirian di waktu petang, informan tidak mampu menghabiskan filem tersebut lantas membuka filem pornografi.

“Biasa bila tak tahu nak buat apa, petang-petang kan selalu macam sunyi je blok hostel, orang pun lepak-lepak je.. masing-masing layan movie kadang tidur petang. Kadang ada juga tak rasa nak tidur, kita tengoklah movie apa-apa, tapi kadang separuh je tengok sebab terasa nak tengok porno.. bila tengok cerita orang putih kan ada aksi-aksi macam tu kan, kita pun sorang, so kita start terfikir nak tengok benda tu pulak.

Habit

Informan mengakui bahawa apabila terlalu biasa dengan menonton video pornografi, mereka akan merasa tidak selesa jika telah lama tidak menontonnya. Menurut informan E, walaupun mereka tahu perbuatan menonton pornografi adalah salah, namun disebabkan telah biasa maka akhirnya dia gagal mengawal keinginan sendiri dan kembali menonton.

Biasalah kalau dah selalu tengok, rasa macam ada benda

lagi yang tak buat.. bukan nak cakap apa, memang tak elok perbuatan tu, so kita sendiri kena distract lah dari fikir benda tu. Tapi memang bukan senang. Kita cuba eh jangan-jangan tak elok, tapi nanti hujung-hujung tu kita rasa eh tak pe tak pe sekejap jer..

Informan A yang lazimnya menonton secara berseorangan pula menyatakan bahawa beliau akan mula terfikir menonton pornografi apabila telah lama tidak menonton.

tak berani nak tengok ramai-ramai, segan..nanti orang kata apa pulak. Kalau bercerita oklah, tapi kalau nak tahu kisah betulnya sorang-soranglah sebab malu. Tengok dalam bilik senyap-senyap macam tu lah...dah terbiasa, saya tahu pun tak elok, tapi macamana nak kata ya, mmm, kalau dah lama tak tengok tu, mesti nak tengok jugak. (Informan A)

Informan C turut mengakui apabila telah biasa menonton pornografi, mereka merasa sukar untuk meninggalkannya. Informan memerlukan masa sedikit demi sedikit untuk berubah dan mengakui adakalanya ia terlepas juga.

Sebab tu saya kata bukan senang terus tak tengok sebab dah terbiasa... so bila nak stop tu macam tak terus stop lah.. terrrr tengok jugak, Cuma tak lah kerap macam dulu, Cuma adalah sekali sekali bukak juga.. tu pun kalau dah lama rasa teringin tiba-tiba, adalah macam tu

Cara berfikir

Terdapat beberapa orang informan yang berfikir bahawa apa yang dilakukannya

hanyalah sekadar menonton apa yang digemari dan tidak mempunyai sebarang niat untuk melakukannya secara nyata. Mereka kurang rasa bersalah dan merasakan bahawa ia tidak memberi kesan ke atas sesiapa pun sekiranya menonton pornografi. Bagi informan B, informan hanya melayan rasa seronok sepertimana pernyataannya “*Macam saya, semua ni suka-suka sahaja. Kita tak adalah niat nak buat betul pun.. ni macam kita layan rasa nak seronok je, bila semua dah pergi kerja dah senanglah .. .cuci mata*

Selain itu, informan D pula berpandangan bahawa mereka bukanlah buat perkara yang melibatkan atau menjejaskan orang lain walaupun mereka mengakui bahawa perbuatan tersebut adalah tidak baik. Dengan pemikiran tersebut menyebabkan mereka masih menonton video pornografi.

Once kita dah tengok tu, ia macam teringat-ingat.. tapi masa dulu lah mula-mula saya tengok, macam tak faham tau.. tapi memang teringat sehari dua. Tapi bila dah lama-lama saya tak adalah teringat dah..kita tahu tak elok, tu macam sorang –sorang, tak jejakkan sesiapa pun.. tak de kita tengok then kita nak buat something kat sesiapa ke, tak de macam tu. Maksudnya kita tak adalah nak buat ke dengan sesiapa ke, lepas tu call orang ke.. tak ada.

Disamping itu, informan C juga tidak merasa perbuatannya itu adalah perbuatan yang teruk kerana yakin bahawa dirinya tidak akan melakukan perkara-perkara

Maybe because dah biasa kot...macam bukan nak jahat sangat tapi sesaje.. saje tengok-tengok macam tu..saya trust diri saya yang saya tak lah buat

bukan-bukan.. kita dah selalu tengok pun, so nak kata sekarang dah tengok tu saya rasa macam tak jujurlah...bila dah biasa, macam dah susah nak stop terus.. nak kata kita selamba tak tahu salah betul pun tak juga..kita tahu..Cuma mungkin sebab dah terbiasa kot...lagipun bukan kita buat dengan sesiapa pun...tengok ja..

Perbincangan dan Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan kesemua informan yang terlibat didapati kurang serius melakukan perubahan untuk berhenti daripada menonton pornografi. Walaupun remaja perempuan tahu bahawa perbuatan menonton pornografi itu mempunyai banyak kesan negatif, namun mereka masih sukar untuk meninggalkan tingkah laku tersebut. Remaja perempuan juga didapati sukar berubah kerana telah biasa menonton pornografi dan menyebabkan mereka tidak mampu untuk mengawal keinginan. Dapatan-dapatan ini merupakan antara indikator bahawa berlakunya ketagihan iaitu kebergantungan pornografi (*phonography dependence*) dalam kalangan remaja perempuan akhir. Kajian oleh Flood (2010) menunjukkan bahawa penonton pornografi mempunyai perapatan dan mereka menjadi ketagih dengan pornografi hingga boleh mengakibatkan tingkah laku obses terhadap seks. Situasi ini juga menunjukkan bahawa tingkah laku menonton pornografi adalah sesuatu yang kompleks untuk ditinggalkan kerana ia mampu memberi rangsangan yang menyeronokkan bagi remaja perempuan. Kajian oleh McCutcheon dan Bishop, (2015) dan Smith (2013) menunjukkan wanita mudah terangsang apabila menonton pornografi. Menurut (Redoute et

al., 2000) pula rangsangan seksual yang ditimbulkan oleh rangsangan visual mengaktifkan neuropati yang berkaitan dengan kognisi, motivasi, rangsangan emosi, dan pengalaman somatosensori. Sehubungan itu, usaha perlu dilakukan agar remaja perempuan yang mempunyai simptom ketagihan menonton pornografi ini dibantu sesuai dengan usia mereka yang semakin matang agar mereka tidak terus terkesan memandangkan akan beralih ke alam perkahwinan kelak. Apabila seorang perempuan itu dewasa, pembangunan seksual pula ditandai dengan pembentukan identiti seksual, pengalaman hubungan romantic dan persediaan perkahwinan (Choi & Nicolson, 1994), maka seharusnya perapatan terhadap tingkah laku pornografi telah mula ditinggalkan.

Hasil kajian turut mendapati remaja perempuan menjadikan aktiviti menonton pornografi sebagai pengisian apabila mereka berseorangan atau merasa sunyi. Walaupun menonton pornografi adalah atas minat dan pilihan peribadi namun kesunyian yang memberi kecenderungan remaja perempuan untuk mengakses laman-laman web pornografi ini menunjukkan bahawa mereka kurang mempunyai alternatif lain. Hal ini mempunyai perkaitan dengan kegemaran remaja masa kini yang banyak dipengaruhi oleh internet hingga memberi kesan terhadap moral kehidupan dan mereka menjadi antisosial (Hing, 2011). Mereka banyak menghabiskan waktu melayari internet berbanding melakukan aktiviti luar. Ini terbukti apabila hasil kajian turut menunjukkan remaja perempuan dalam kajian ini menghadapi kesukaran untuk berhenti menonton pornografi adalah kerana sukarnya mereka untuk menjauhkan diri daripada internet. Adalah diakui bahawa internet menjadi keutamaan dalam hidup remaja masa kini (Lenhart,

Ling, Campbell, & Purcell, 2010). Davis (2001) mengatakan bahawa ketagihan internet melibatkan kognitif maladaptif yang dikategorikan kepada dua iaitu (i) *Internet Use Pathology* umum iaitu melibatkan penggunaan internet yang terlalu banyak secara umum, termasuk membuang masa dalam talian tanpa objektif yang jelas dan kedua ialah *Internet Use Pathology* khusus iaitu orang yang mempunyai PIU tertentu bergantung kepada fungsi tertentu dari internet, contohnya, terlalu banyak penggunaan bahan / perkhidmatan seksual dalam talian, perkhidmatan lelongan dalam talian, dan perjudian dalam talian. Dalam kajian ini pengkaji berpandangan bahawa remaja perempuan bermula dengan patologi secara umum hingga kemudiannya kepada yang khusus iaitu banyak berfokus kepada seksual.

Selain itu juga, hasil kajian mendapati cara berfikir remaja perempuan yang menganggap bahawa perbuatan menonton pornografi tersebut bukanlah satu kesalahan besar turut merupakan halangan yang perlu diambil perhatian. Jika mengikut prinsip model kepulihan, kesedaran individu tentang perbuatan pornografi itu adalah sesuatu yang negatif adalah sangat penting. Melalui tahap perubahan dalam Model Transteoretikal (TTM, 1984), Prochaska, Norcross dan DiClemente (2013) menjelaskan bahawa lima peringkat perubahan yang dialami individu untuk berubah ialah pra-pertimbangan (*Precontemplation*), pertimbangan (*Contemplation*), persediaan (*preparation*), tindakan (*action*) dan pengekalan (*maintenance*). Adakalanya individu tidak melalui peringkat ini secara berturutan, tetapi melalui peringkat-peringkat ini secara berliku (*spiral*) iaitu tidak mengikut susunan. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati informan kajian iaitu remaja perempuan akhir berada di dua

peringkat iaitu peringkat pertimbangan dan persediaan. Pada peringkat pertimbangan ini mereka sudah menyedari bahawa mereka berada dalam ketagihan pornografi dan berfikir bagaimana untuk menghentikan ketagihan ini. Walaubagaimanapun, pada peringkat ini juga mereka belum melakukan sebarang komitmen dan tidak pasti bagaimana untuk membuat tindakan dalam menghadapi ketagihan ini. Berbanding dengan tahap persediaan, terdapat informan yang cuba membuat perubahan-perubahan yang kecil seperti megurangkan menonton pornografi. Walaubagaimanapun, pada peringkat ini mereka masih gagal mencapai tahap tindakan menghentikan ketagihan sepenuhnya, tetapi tindakan-tindakan kecil seperti ini mungkin dapat membantu mereka meninggalkan tingkah laku sehingga ke peringkat tindakan (action) sepertimana tahap perubahan dalam Model Transteoritikal. Oleh yang demikian, adalah penting bagi remaja perempuan untuk mendapatkan rawatan-rawatan tertentu seperti kognitif-tingkahlaku, psikoterapi psikodinamik, psikofarmakologi dan sebagainya agar perubahan yang ingin dilakukan adalah dengan bimbingan professional bagi mencapai hasil yang konsisten.

Kesimpulan

Kurangnya persediaan remaja perempuan akhir dalam meninggalkan tingkah laku menonton pornografi bukanlah disebabkan kurangnya pengetahuan tentang impak negatif pornografi sebaliknya adalah disebabkan oleh kompleksnya cabaran yang terpaksa dihadapi terutama apabila melibatkan isu ketagihan. Adalah penting usaha untuk memperbaiki keadaan ini dilakukan dengan melibatkan para professional dalam pertolongan seperti ahli psikologi klinikal, kaunselor dan terapis

memandangkan ia sangat berkaitan dengan kognitif dan tingkah laku seseorang.

Rujukan

- Bassin, D. (1999). *Female sexuality: Contemporary engagements*. Jason Aronson.
- Choi, P., & Nicolson, P. (1994). *Female sexuality: Psychology, biology, and social context*. Hemel Hempstead, Harvester Wheatsheaf.
- Creswell, J. W. (2018). *Qualitative inquiry et research design: Choosing among five approaches*. D C SAGE.
- Davis, R. A. (2001) "Cognitive-behavioral model of pathological Internet use," *Computers in Human Behavior*, vol. 17, no. 2, pp. 187–195.
- Elisabeth, T. (May 06, 2018). Pornography as a Public Health Issue: Promoting Violence and Exploitation of Children, Youth, and Adults. *Dignity: a Journal on Sexual Exploitation and Violence*, Vol. 3: Iss. 2, Article 8.
- Elizabeth C. Eraker. 2010. Stemming Sexting: Sensible Legal Approaches to Teenagers' Exchange of Self-Produced Pornography. *Berkeley Technology Law Journal*; Vol. 25, No. 1.
- Erickson, H. (1968). *Identity: Youth and crisis*. London, United Kingdom: Faber.

- Flood, M. & Hamiton, C. (2003). *Regulating youth access to pornography*. The Australia Institute.
- Giorgi, A & Giorgi, B (2003) 'Phenomenology', in JA Smith (ed.), *Qualitative psychology*. Sage.
- Harris, A. L. (2011). Media and Technology in Adolescent Sexual Education and Safety. *Journal of Obstetric, Gynecologic, & Neonatal Nursing*, 40, 2, 235-242.
- Hing K. M (2011) *Internet Addiction and Antisocial Internet Behavior of Adolescents*. Hindawi Publishing Corporation.
- Husserl, E. (1982). *Logical investigations*. Routledge & Kegan Paul.
- Jacobson, C., Bailin, A., Milanaik, R., & Adesman, A. (2016). Adolescent Health Implications of New Age Technology. *The Pediatric Clinics of North America*, 63, 1, 183-194.
- Lenhart, A., Ling, R., Campbell, S., & Purcell, K. (2010). *Teens and mobile phones*. Pew. <http://pewinternet>.
- McCutcheon, J. M., & Bishop, C. J. (2015). An erotic alternative? Women's perception of gay pornography. *Psychology and Sexuality*, 6, 75 –92.
- Oh, Eun.-Seoh., & Choi, Jin.-Ah. (2015). Exposure to Internet Pornography and the Effect upon Levels of Sexual Knowledge and Sexual Attitudes in Children. *Korean Journal of Child Studies*, 36, 3, 93-113.
- Owens, E. W., Behun ,R. J., Manning, J. C., Reid, R.C. (2012) The Impact of Internet Pornography on Adolescents: *A Review of the Research Sexual Addiction & Compulsivity*, 19:99–122.
- Peter, J., & Valkenburg, P. M. (2016). Adolescents and Pornography: A Review of 20 Years of Research. *The Journal of Sex Research*; 53, 509-531.
- Pratama, A.C.Di. & Notobroto H. B. (2017). Analisis Hubungan Pergaulan dengan Teman dan Paparan Media Pornografi terhadap Perilaku Seksual Pranikah pada Remaja. *Jurnal Biometrika dan Kependudukan*; Vol 6, Jilid 1, 1-8.
- Prochaska, J.O., Norcross, J.C. and DiClemente, C.C. (2013). Applying the stages of change. *Psychotherapy in Australia*, 19 (2).
- Rachmaniar Rachmaniar, Puji Prihandini, Preciosa Alnashava Janitra. Perilaku penggunaan smartphone dan akses pornografi di kalangan remaja perempuan. *Jurnal Komunikasi Global (JKG)*; Volume 7, 1, 2018.
- Redoute, J., Stoleru, S., Gregoire, M. C., Costes, N., Cinotti, L, Lavenne, F., ...Pujol, J. F. (2000). Brain processing of visual sexual stimuli in human males. *Human Brain Mapping*, 11, 162–177.
- Rothman, E. F., Kaczmarzky, C., Burke, N., Jansen, E., & Baughman, A.

(2015). “Without porn ... I wouldn't know half the things I know now”: A qualitative study of pornography use among a sample of urban, low-income, Black and Hispanic youth. *Journal of Sex Research*, 52, 736–746.

Sarah Ashton, Karalyn McDonald & Maggie Kirkman. (2018). Women's Experiences of Pornography: A Systematic Review of Research Using Qualitative Methods, *The Journal of Sex Research*, 55:3, 334-347, DOI: 10.1080/00224499.2017.1364337

Smith, M. (2013). Youth viewing sexually explicit material online: Addressing the elephant on the screen. *Sexuality Research and Social Policy*, 10, 62 –75.

Stanley N, Barter C, Wood M, et al. (2016). Pornography, sexual coercion and abuse and sexting in young people's intimate relationships: a European study. *Journal of Interpersonal Violence*, 33(19):2919-2944.